

Terma dan Syarat

LEGO Trading (Malaysia) Sdn. Bhd.
(Syarikat No. 1050021-M)

Alamat surat: Suite 8.02, Level 8, Menara OBYU,
No.4 Jalan PJU 8/8A, Bandar Damansara Perdana,
47820, Petaling Jaya, Selangor,
Malaysia

Telefon: 1 800 80 3537

E-mel: ShopTermsAndConditions@LEGO.com

Mengapakah Terma dan Syarat ini penting untuk saya? Terma dan Syarat ini penting kerana ia terpakai kepada semua pesanan yang anda membuat dengan LEGO Trading (Malaysia) Sdn. Bhd. sama ada secara dalam talian, melalui emel, dan melalui telefon.

Kami amat mengesyorkan agar anda membaca Terma and Syarat ini dengan teliti sebelum menghantar pesanan anda kepada kami.

1. Bagaimanakah ia berfungsi?

Dengan siapa saya membuat pesanan? Apabila anda membuat pembelian dalam talian, sama ada melalui emel ataupun melalui telefon, anda akan membuat pesanan dengan LEGO Trading (Malaysia) Sdn. Bhd., syarikat no. 1050021-M, Suite 8.02, Level 8, Menara OBYU, No.4 Jalan PJU 8/8Ak, Bandar Damansara Perdana, 47820, Petaling Jaya, Selangor.

Sebarang rujukan kepada “kami” atau “kita” bermaksud LEGO Trading (Malaysia) Sdn. Bhd., dan sebarang rujukan kepada “anda” bermaksud anda sebagai pelanggan. Sebarang rujukan kepada “saya” dalam soalan-soalan tema juga bermaksud anda sebagai pelanggan dan pengguna di Kedai LEGO.

Terma dan Syarat ini hanya terpakai dalam kes pembelian oleh seorang pengguna, iaitu seorang individu yang bertindak untuk tujuan di luar perdagangannya, perniagaannya, atau pekerjaannya.

LEGO dan logo LEGO adalah tanda dagangan Kumpulan LEGO ©2023 Kumpulan LEGO.

Bolehkah saya membuat pembelian melalui Kedai LEGO jika saya berusia bawah 18 tahun atau tidak mempunyai kapasiti undang-undang penuh? Tidak, kami tidak menjual produk melalui Kedai LEGO untuk pembelian yang dibuat oleh kanak-kanak. Jika anda berusia di bawah 18 tahun atau tidak mempunyai kapasiti undang-undang penuh, anda hanya boleh menggunakan tapak sesawang Kedai LEGO di bawah pengawasan dan dengan kebenaran ibubapa atau penjaga anda.

Bagaimanakah boleh saya membuat pesanan di Kedai LEGO dalam talian? Anda boleh memilih produk dan menambahkannya ke dalam bakul beli-belah maya melalui butang “Tambah ke Beg”. Jika butang “Tambah ke Beg” digantikan dengan butang “Pesanan Tertunda”, anda boleh memproseskan pesanan dengan mengklik butang “Pesanan Tertunda”, tetapi item tersebut tidak akan dihantar sehingga ia tersedia.

Bilakah akan saya terlibat dalam perjanjian yang mengikat? Anda mempunyai peluang untuk menyemak, membetulkan dan memadamkan data anda sebelum membuat pesanan. Dengan mengklik butang “Beli”, anda membuat tawaran yang mengikat untuk membeli produk yang telah anda tambahkan ke dalam bakul membeli-belah maya.

Setelah anda telah memesan produk anda di Kedai LEGO, kami akan menghantar kepada anda pengesahan penerimaan automatik. Ini tidak bermakna bahawa pesanan anda telah diterima.

Apabila anda membuat pesanan dengan kami, anda sedang membuat tawaran untuk membeli, yang akan diterima oleh kami apabila anda menerima emel pengesahan penghantaran yang mengesahkan butiran produk yang dipesan, pembayaran dalam talian, dan penghantaran. Oleh itu, ia amat penting untuk mengemukakan alamat emel yang tepat semasa membuat pesanan anda.

Kumpulan LEGO berhak untuk menahan atau membatalkan pesanan tanpa notis atau membuat penjelasan jika terdapat sebarang perkara yang berbangkit yang berkaitan dengan keselamatan atau melanggar sebarang dasar atau terma.

Bolehkah saya membuat pesanan jika saya telah tidak bersetuju dengan Terma dan Syarat? Tidak, anda hanya boleh membuat pesanan jika anda telah bersetuju dengan Terma dan Syarat dengan mengklik kotak “Saya bersetuju dengan Terma dan Syarat”. Kontrak boleh dilaksanakan dalam Bahasa Inggeris.

Bolehkah saya memesan produk yang tidak dalam stok? Kami tidak dapat menjamin bahawa semua produk yang dipesan akan tersedia dalam inventori kami pada setiap masa.

Kami boleh membuat penghantaran separa untuk produk yang termasuk dalam pesanan yang sama apabila produk tersebut boleh digunakan secara berasingan. Kami akan menanggung sebarang kos penghantaran tambahan, dan anda tidak akan dikenakan sebarang kos tambahan untuk penghantaran separa.

Kami akan memberitahu anda secepat mungkin jika sesuatu produk tidak tersedia atau tidak dapat dihantar tepat pada masanya. Jika produk tersebut tidak tersedia dalam masa hadapan yang boleh dijangka, kami berhak untuk tidak menerima pesanan anda.

Anda tidak akan dapat membeli mana-mana bahagian yang disenaraikan sebagai sementara tidak tersedia dalam pilihan "*Pick A Brick*". Sekiranya pesanan anda termasuk bahagian tersebut, kami akan menawarkan untuk membatalkan jumlah pesanan anda, atau untuk hanya membatalkan bahagian yang sementara tidak tersedia.

Bolehkah saya menghantar produk ke alamat yang lain? Anda boleh memohon untuk pesanan anda dihantar ke alamat yang berbeza daripada alamat bil anda. Dalam kes ini, kami tidak akan masukkan harga atau butiran bil ke alamat penghantaran, kerana kami akan menganggap bahawa penghantaran adalah hadiah kepada penerima. Maklumat harga anda akan disertakan dalam e-mel pengesahan penghantaran anda.

Patutkah saya menyimpan salinan dokumen yang berkaitan dengan pesanan saya? Ya, anda digalakkan untuk mencetak atau menyimpan salinan Terma dan Syarat ini, maklumat pembayaran dalam talian anda dan e-mel pengesahan penghantaran, sekiranya anda perlu menghubungi kami dengan sebarang pertanyaan tentang pesanan anda. E-mel pengesahan penghantaran akan mengandungi satu salinan Terma dan Syarat ini.

Jika anda mendapati bahawa mana-mana maklumat yang dihantar melalui e-mel kepada anda adalah salah, sila hubungi kami dengan segera supaya kami boleh membetulkannya.

2. Bagaimanakah anda memproseskan data peribadi saya?

Kecuali yang didaftar atau diterima secara nyata oleh anda (contohnya, persetujuan kuki, LEGO® Insiders, atau pendaftaran Akaun LEGO, pendaftaran buletin), kami hanya mengumpul, menggunakan, menyimpan, dan berkongsi data berikut daripada anda yang berkaitan dengan pesanan anda di LEGO.com:

- Nama anda, alamat penghantaran, alamat bil dan maklumat hubungan seperti nombor telefon dan alamat emel anda.
- Jika anda mempunyai akaun LEGO, kami akan mendaftarkan akaun LEGO anda dengan pesanan dan sejarah pesanan anda.
- Jika anda adalah ahli LEGO Insiders, kami akan mendaftar nombor kad LEGO Insiders anda dengan pesanan anda, dan jika berkaitan, mendaftarkan mata ganjaran yang diperoleh.
- Maklumat pembayaran anda, jika sesuai, dan kami akan kongsi maklumat tersebut dengan pembekal pembayaran yang anda memilih serta rakan pemprosesan pembayaran kami. Sila ambil perhatian bahawa dengan beberapa pembekal pembayaran (contohnya, Paypal), maklumat peribadi yang anda memberi kepada pembekal pembayaran itu mungkin akan menimpa maklumat seperti butiran invois yang kami menyimpan untuk anda. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada bahagian “Bagaimana Boleh Saya Bayar?”.

Kami akan menggunakan, menyimpan dan kongsi maklumat peribadi anda mengikut Dasar Privasi kami dan berkaitan dengan pesanan anda, menggunakan dan kongsi maklumat peribadi yang telah diberi oleh anda untuk:

- Memenuhi dan menguruskan pesanan anda, termasuk berkongsi maklumat peribadi anda dengan pihak ketiga dipercayai yang akan menyediakan perkhidmatan gudang, pembungkusan, penghantaran, dan perkhidmatan penghantaran, perkhidmatan pengesanan dan pencegahan penipuan, dan perkhidmatan penagihan hutang.
- Jika berkenaan, untuk malaraskan baki mata LEGO Insiders anda.
- Menyediakan sokongan melalui perkhidmatan pelanggan.
- Menyimpan maklumat peribadi anda dengan rakan penyimpanan awan dipercayai kami.
- Menghantar kaji selidik selepas pembelian kepada anda melalui emel, termasuk berkongsi maklumat peribadi anda dengan pihak ketiga dipercayai kami yang menyediakan perkhidmatan penyelidikan dan kaji selidik kepada kami.

Anda boleh mendapat maklumat mengenai pengumpulan, penggunaan, penyimpanan, pengekalan, pemadaman, proses membuat keputusan automatik, dengan siapa kami berkongsi data anda dan bila data peribadi anda disemak dan dikemas kini anda dalam Dasar Privasi kami.

3. Bagaimanakah saya sepatutnya memahami harga di Kedai LEGO?

Adakah cukai termasuk dalam harga yang disenaraikan? Ya, harga yang disenaraikan termasuk semua cukai berkenaan. Kami tidak menawarkan bayaran balik cukai untuk pesanan yang dibuat dalam talian di LEGO.com atau melalui telefon.

Adakah kos penghantaran termasuk dalam harga yang disenaraikan? Tidak, kos penghantaran tidak termasuk dalam harga yang disenaraikan. Kos tersebut akan ditambah kepada pesanan anda. Kos penghantaran akan ditunjuk dalam beg beli-belah maya. Dalam semakan pesanan, anda boleh melihat jumlah harga terakhir sebelum membuat pesanan.

Apabila anda membuat pesanan dari Bricks and Pieces, kos penghantaran khas dan kos pemprosesan akan ditambah kepada harga. Kos khas ini akan dipaparkan dalam beg beli-belah maya sebelum pesanan anda dibuat.

Bagaimana jika tapak sesawang kami menunjukkan harga yang salah? Kami akan menggunakan usaha yang terbaik untuk memastikan semua harga di tapak sesawang kami adalah tepat. Walau bagaimanapun, kesilapan mungkin akan berlaku. Jika kami mendapati kesilapan dalam harga produk yang dipesan oleh anda, kami akan memaklumkan anda secepat mungkin dan memberi anda pilihan untuk mengesahkan semula pesanan anda dengan harga yang betul atau membatalkannya. Jika kami tidak dapat menghubungi anda, atau anda tidak mengesahkan semula pesanan, kami akan menganggap bahawa pesanan itu telah dibatalkan.

Bolehkah harga yang disenaraikan dalam Kedai LEGO berubah? Ya, semua harga yang dipaparkan di Kedai LEGO adalah tertakluk kepada perubahan tanpa notis terlebih dahulu.

4. Bagaimana cara saya membayar?

Kad kredit manakah yang boleh saya gunakan untuk pembayaran? Kami menerima Mastercard dan Visa untuk pembayaran.

Apakah proses apabila saya menggunakan kad kredit saya di Kedai LEGO? Apabila anda menggunakan kad kredit anda di Kedai LEGO, kad tersebut akan diluluskan terlebih dahulu untuk pembayaran pada masa anda membuat pesanan. Sebagai sebahagian proses memberi kelulusan tersebut, bank anda akan menahan akaun anda untuk jumlah pembelian pesanan. Penahanan tersebut akan dilepaskan selepas beberapa hari yang ditentukan oleh bank anda.

Bilakah akan LEGO Trading (Malaysia) Sdn. Bhd mengenakan bayaran? LEGO Trading (Malaysia) Sdn. Bhd akan mengenakan bayaran untuk item selepas item tersebut telah dihantar. Jika anda menggunakan PayPal, anda akan dikenakan bayaran setelah item anda tersedia di gudang kami.

Bolehkah saya menggunakan PayPal? Kami menerima pembayaran melalui PayPal. Jika anda memilih PayPal sebagai kaedah pembayaran anda, anda akan dibawa ke tapak sesawang PayPal untuk log masuk ke akaun anda. Selepas into, anda akan kembali ke tapak sesawang Kedai LEGO untuk melengkapkan proses pembayaran. Sila ambil perhatian bahawa apabila anda memilih "Buat pembelian dengan PayPal" di halaman beg beli-belah, alamat penghantaran anda yang terdapat di PayPal sama ada secara lalai atau pilihan anda, akan diutamakan berbanding kepada alamat penghantaran yang didaftarkan untuk akaun anda di Kedai LEGO. Oleh itu, anda perlu sentiasa memastikan bahawa alamat penghantaran PayPal adalah alamat yang betul untuk penghantaran pembelian Kedai LEGO anda. LEGO Trading (Malaysia) Sdn. Bhd. tidak akan bertanggungjawab jika alamat penghantaran yang tertera dalam akaun PayPal yang anda gunakan adalah alamat semasa atau betul anda.

Bagaimanakah boleh saya gunakan Mata LEGO Insiders bila membuat bayaran? Jika anda adalah ahli LEGO Insiders, anda boleh menggunakan Mata LEGO Insiders untuk melayakkan diri untuk mendapatkan diskaun bagi pembelian layak yang dibuat melalui Kedai LEGO dalam talian. Sila rujuk kepada syarat-syarat untuk menggunakan Mata LEGO Insiders dalam terma and syarat untuk Program LEGO Insiders [di sini](#).

5. Bagaimanakah akan pesanan saya dihantar?

Bilakah boleh saya menjangka untuk menerima pesanan saya? Masa penghantaran amat berbeza dan bergantung kepada lokasi yang pesanan itu dihantar.

Anda boleh melihat anggaran masa penghantaran dalam bahagian Penghantaran dan Pengendalian di Kedai LEGO. Anda juga boleh melihat anggaran masa penghantaran dalam beg beli-belah maya anda.

Pesanan dari Kedai LEGO akan dihantar secara asing daripada pesanan dari Pick a Brick, dan pesanan yang merupakan “Bestseller” akan dihantar secara asing daripada bahagian “Standard”.

Adakah saya dikenakan kos penghantaran? Ya, kos penghantaran akan ditambahkan kepada harga produk yang dipesan. Anda boleh melihat kos penghantaran dalam beg beli-belah maya anda, dan jumlah harga terakhir yang termasuk kos penghantaran akan dipaparkan semasa anda membuat semakan pesanan.

Jika anda membuat pesanan melalui Pick a Brick, kos perkhidmatan khas akan ditambah kepada pesanan anda jika ambang pesanan tidak tercapai. Anda boleh melihatnya dalam beg beli-belah maya sebelum membuat pesanan anda. Untuk maklumat yang lebih lanjut mengenai ambang kos perkhidmatan dan jangka waktu penghantaran, sila layari halaman Penghantaran dan Pengembalian kami.

Jika pesanan anda di Kedai LEGO layak untuk penghantaran percuma, pesanan Pick a Brick anda yang termasuk dalam beg beli-belah maya anda juga akan layak untuk penghantaran percuma.

Bagaimanakah akan LEGO Trading (Malaysia) Sdn. Bhd. membantu saya jika terdapat saya tidak dihantar satu bahagian daripada set LEGO? Jika set LEGO baharu anda kekurangan bahagian atau mempunyai bahagian yang rosak, kami akan menggantikan bahagian-bahagian tersebut secara percuma melalui perkhidmatan Bricks and Pieces kami.

Kami berusaha untuk menyediakan penggantian percuma ini di semua negara, namun kami berhak untuk mengubah ketersediaan perkhidmatan Bricks and Pieces pada bila-bila masa tanpa notis terlebih dahulu.

6. Bagaimana jika pesanan saya dari LEGO.com mempunyai kecacatan / tidak selaras?

Kami mempunyai tanggungjawab dibawah undang-undang untuk membekalkan produk yang selaras dengan kontrak ini. Tiada apa-apa dalam Terma dan Syarat ini yang akan menjejaskan hak undang-undang anda.

Sepanjang hayat produk yang dijangkakan, hak undang-undang anda memberikan anda hak-hak berikut:

- (a) Hingga 30 hari: Jika barang anda didapati rosak, anda berhak untuk mendapatkan pemulangan segera.
- (b) Hingga enam bulan: Jika barang anda tidak dapat dibaiki atau digantikan, anda berhak untuk mendapatkan pemulangan penuh, dalam kebanyakan kes. Sila ambil perhatian bahawa kami berhak untuk memilih untuk menggantikan atau memulangkan produk anda, jika kos pembaikan adalah tidak wajar berbanding dengan pemulangan atau pergantian, atau jika pembaikan adalah mustahil.

Sila simpankan sebarang bahagian yang didapati rosak atau pecah sehingga anda telah menerima pemulangan atau penggantian daripada kami. Ini adalah amat penting kerana kami mungkin akan meminta anda untuk mengemalikan bahagian yang didapati rosak atau pecah ke Jabatan Kualiti kami untuk pemeriksaan. Ini kerana kami ingin memastikan bahawa kesilapan seperti ini tidak berlaku lagi. Jika kami meminta anda mengemalikan sesuatu kepada kami, kami akan membayar kos penghantaran anda sama ada terlebih dahulu atau sebaik sahaja anda menghantar resit untuk kos penghantaran kepada kami, bergantung kepada keadaan setempat.

Apakah yang perlu saya lakukan jika saya mendapati produk yang mempunyai kecacatan:

Jika produk anda rosak semasa penghantaran atau semasa tempoh pematuhan berkanun (rujuk diatas), sila hubungi Khidmat Pelanggan kami melalui cara yang dinyatakan di bawah.

Apabila menghubungi Perkhidmatan Pengguna, sila sediakan nombor pesanan anda untuk membantu kami mengenal pasti pesanan anda.

Dalam kes bayaran balik, kami akan membuat bayaran balik secepat mungkin dan tidak melebihi 14 hari dari hari yang kami dimaklumkan tentang produk yang telah rosak.

Walaupun bagaimanapun, kami boleh menahan bayaran balik sehingga kami telah menerima produk atau anda telah menyediakan bukti penghantaran produk, mana-mana yang lebih awal (Sila rujuk kepada "cara untuk mengemalikan" dalam bahagian di bawah).

Kami akan membuat bayaran balik melalui kaedah pembayaran yang sama seperti yang digunakan oleh anda semasa pembayaran pertama, kecuali jika anda telah bersetuju secara nyata sebaliknya. Anda tidak akan dikenakan sebarang kos untuk pemulangan tersebut.

Dalam kes penggantian. Dalam kes penggantian, kami akan menghantar produk yang baru kepada anda dengan mengikut masa penghantaran yang terkandung dalam Terma dan Syarat ini. Jika produk tersebut tiada dalam stok (sama ada secara kekal atau sementara), kami akan berbincang dengan anda sama ada anda inginkan bayaran balik (atau jika anda lebih rela untuk menunggu produk itu kembali dalam stok).

Dalam kes pembaikan: Disebabkan oleh sifat produk kami, dalam kebanyakan kes yang berkaitan dengan pembaikan produk, kos yang berkaitan dengan bayaran balik atau penggantian tidak akan berkadar dengan kos pembaikan. Walau bagaimanapun, anda boleh membincang tentang ini dengan kami dan kami akan membuat penilaian secara individu untuk setiap kes.

Bagaimanakah boleh saya kembalikan produk yang rosak: Kami akan memberi anda alamat pengembalian dan Nombor Kelulusan Pengembalian (Nombor RA), yang dinyatakan pada Label Pemulangan. Untuk menerima Label Pemulangan dan Nombor RA, sila hubungi Khidmat Pelanggan kami.

Jika anda memulangkan produk tanpa Label Pemulangan dan Nombor RA, sila menjangkakan masa pemprosesan tambahan.

Kami akan menanggung kos penghantaran produk yang rosak yang dikembalikan oleh anda dengan pengecualian kos tambahan yang timbul dari pilihan anda untuk menggunakan jenis penghantaran selain daripada jenis penghantaran standard yang paling murah yang ditawarkan oleh kami.

Bagaimana bolehkan anda menghubungi kami dalam kes produk didapati rosak:

Anda boleh menghubungi kami melalui:

Surat – ke alamat berikut

LEGO® Service
Suite 8.02, Level 8, Menara OBYU,
No.4 Jalan PJU 8/8A, Bandar Damansara Perdana,

47820, Petaling Jaya, Selangor,
Malaysia

Telefon – Hubungi kami secara percuma di 1800 80 3537 (apabila menelefon nombor telefon percuma dari telefon bimbit, anda mungkin akan dikenakan caj oleh pengendali telefon bimbit anda). Anda juga boleh mendapatkan butiran hubungan kami di negara anda di service.LEGO.com. Sebarang aduan akan dikendalikan oleh Perkhidmatan Pelanggan kami dengan mengikut undang-undang negara yang berkaitan.

Sila ambil perhatian bahawa kami mungkin akan merakam perbualan telefon apabila aduan dibuat untuk memastikan kualiti pengendalian aduan pelanggan kami. Anda akan dimaklumkan mengenai perkara ini sebelum rakaman bermula.

Emel kami: [klik sini](#).

Saya tidak berpuas hati selepas menghubungi Perkhidmatan Pelanggan mengenai cara tuntutan saya ditangani atau diselesaikan – apakah yang boleh saya lakukan?”

Untuk pengguna di Malaysia, anda berhak untuk mengemukakan aduan anda kepada Tribunal Tuntutan Pengguna dengan menggunakan pautan berikut: www.ttpm.kpdn.gov.my

7. Apakah yang patut saya lakukan jika saya tidak berpuas hati dengan pesanan saya dan / atau pengalaman saya dengan Kedai LEGO?

Apakah yang patut saya lakukan jika saya tidak berpuas hati dengan pesanan saya? Jika anda tidak berpuas hati dengan pesanan untuk apa-apa sebab, sila menghubungi Perkhidmatan Pelanggan kami. Perkhidmatan Pelanggan kami akan mencari penyelesaian terbaik bersama anda untuk memastikan anda berpuas dengan pesanan dan pembelian anda dari Kedai LEGO.

Sila menghubungi kami secara percuma di 1800 80 3537. Anda juga boleh mendapatkan butiran hubungan kami di negara anda di service.LEGO.com. Sebarang aduan akan ditangani oleh Perkhidmatan Pelanggan kami mengikut undang-undang negara yang berkaitan.

Sila ambil perhatian bahawa kami mungkin akan merakam perbualan telefon apabila aduan dibuat untuk memastikan kualiti pengendalian aduan pelanggan kami. Anda akan dimaklumkan mengenai perkara ini sebelum rakaman bermula.

Bagaimanakah boleh saya mengembalikan produk?

Anda boleh mengembalikan produk LEGO mengikut terma Dasar Pengembalian kami.

Emel kami: [click here](#)

Bolehkah saya menukar kad hadiah saya dengan wang tunai? Tidak, kad hadiah tidak dibenarkan ditukar dengan wang tunai, kecuali jika diwajibkan oleh undang-undang.

a8. Adakah terdapat perkara lain yang patut saya mengetahui?

Bagaimanakah komunikasi elektronik antara saya dengan LEGO Trading (Malaysia) Sdn. Bhd. berfungsi? Apabila anda melawat ke tapak sesawang LEGO.com atau menghantar emel kepada Perkhidmatan Pelanggan kami, anda berkomunikasi secara elektronik dengan kami. Kami berkomunikasi dengan anda melalui emel atau dengan memaparkan notis di tapak sesawang. Untuk tujuan kontrak, anda bersetuju untuk menerima komunikasi elektronik yang bukan pemasaran daripada kami, dan bersetuju bahawa semua perjanjian, notis, pendedahan, dan komunikasi elektronik lain yang kami menyediakan akan memenuhi sebarang keperluan undang-undang bahawa komunikasi tersebut dibuat secara bertulis. Klausula ini tidak mempengaruhi sebarang hak statutory yang anda mungkin miliki.

Sejauh manakah LEGO Trading (Malaysia) Sdn. Bhd. bertanggungjawab? Kami tidak bertanggungjawab kecuali apa yang dinyatakan di bawah undang-undang berkanun. Selain yang diperuntukkan oleh perundangan berkanun, kami tidak boleh dipertanggungjawab untuk sebarang kerugian tidak langsung atau berbangkit, termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan atau kerosakan kepada data melalui penggunaan mana-mana tapak sesawang Kumpulan LEGO.

Adakah imej produk di tapak sesawang sama dengan produk yang digambarkan? Imej produk di tapak sesawang kami adalah hanya untuk tujuan

ilustrasi. Kami berusaha untuk menggambarkan item-item di tapak sesawang kami dengan tepat. Walau bagaimanapun, variasi kecil mungkin akan berlaku. Semua ukuran yang dipaparkan adalah anggaran dan paparan warna adalah tepat setakat yang dibenarkan oleh proses fotografi dan penerbitan. Harap maklum bahawa mungkin terdapat variasi dalam warna bergantung pada penentuan dan tetapan skrin individu. Kami memberi perhatian terhadap perincian dan ia amat penting bagi kami. Namun, kesilapan tipografi mungkin akan berlaku. Dalam kes sedemikian, kami akan membetulkannya supaya maklumat yang berkaitan kepada produk tersebut adalah maklumat baharu yang diperbetulkan.

Bolehkah saya menggunakan produk yang saya beli di tapak sesawang untuk tujuan komersial? Tidak, produk yang dijual melalui Kedai LEGO adalah untuk kegunaan pengguna; produk yang dijual melalui Kedai LEGO tidak boleh digunakan untuk tujuan komersial seperti kempen promosi, pemasaran, dan PR. Kami juga tidak membenarkan anda mengaitkan bahagian-bahagian kami dengan nama atau logo mana-mana syarikat lain. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada Dasar Main Adil kami. Bagaimanakah jika sebahagian daripada Terma dan Syarat ini telah didapati menyalahi undang-undang atau tidak sah? Jika terdapat mana-mana bahagian dalam Terma dan Syarat ini telah didapati menyalahi undang-undang atau tidak sah dan tidak dapat dikuatkuasakan, ini tidak akan menjejaskan kesahihan dan penguatkuasaan bahagian lain dalam Terma dan Syarat ini.

Undang-undang mana yang akan digunakan? Terma dan Syarat ini akan diperintah oleh undang-undang Malaysia secara eksklusif, selain daripada peraturan undang-undang antarabangsa awam. Sebarang pertikaian mengenai pembelian di Kedai LEGO akan tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif mahkamah Malaysia. Oleh sebab anda berkontrak sebagai pengguna, ini tidak akan menjejaskan hak berkanun anda.